



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PENGARUH BIDANG EKONOMI RUMAH TANGGA (ERT)
DALAM KALANGANPELAJAR SEKOLAH MENENGAH
LELAKI DI JOHOR BAHRU**

*THE INFLUENCE OF HOME ECONOMICS (ERT) AMONG MALE SECONDARY
SCHOOL STUDENTS IN JOHOR BAHRU*

Siti Saidatul Asma Zulkafli¹, Mohamad Izzuan Mohd Ishar^{2*}, Naldo Janius³

- ¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: saidatulasma12@gmail.com
- ² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia
Email: m.izzuan@utm.my
- ³ Fakulti Pendidikan dan Kemanusiaan, UNITAR International University, Malaysia
Email: naldo.lss@unitar.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.01.2024
Revised date: 26.02.2024
Accepted date: 25.03.2024
Published date: 31.03.2024

To cite this document:

Zulkafli, S. S. A., Ishar, M. I. M., & Janius, N. (2024). A Pengaruh Bidang Ekonomi Rumah Tangga (Ert) Dalam Kalanganpelajar Sekolah Menengah Lelaki Di Johor Bahru. *International Journal of Modern Education*, 6 (20), 616-.

DOI: 10.35631/IJMOE.620044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat pengaruh bidang Ekonomi RumahTangga (ERT) dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah lelaki di Johor Bahru. Kajian ini tertumpu kepada tiga objektif kajian iaitu tahap minat pelajar, tahap pengetahuan pelajar, dan faktor dorongan pelajar dalam penglibatan dalam program ERT. Sejumlah 155 pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 dari Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi 4 bahagian bagi menjawab semua objektif kajian ini. Hasil dapatan kajian telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Science Social (SPSS) versi 28.0. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan minat para pelajar lelaki Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru terhadap bidang ERT berada pada tahap yang tinggi. Faktor dorongan penglibatan pelajar lelaki dalam bidang ERT juga menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya mencatatkan min yang paling tinggi dan pengaruh ibu bapa menunjukkan bilangan min yang paling rendah. Pengkaji berharap hasil dapatan kajian ini dapat digunakan untuk mempertingkatkan lagi penglibatan pelajar lelaki dalam bidang ERT kelak. Pada akhir kajian ini, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk pihak lain melakukan kajian lanjutan pada masa akan datang.

Kata Kunci:

Pelajar Lelaki, Ekonomi Rumah Tangga, TVET, Reka Bentuk dan Teknologi

Abstract:

This study was conducted to look at the influence of Home Economics (ERT) among boys' Middle School students in Johor Bahru. This study is focused on three research objectives, namely the level of student interest, the level of student knowledge, and the factors that encourage students to participate in the ERT program. A total of 155 students in the 1st, 2nd, and 3rd grades of Sultan Abu Bakar College, Johor Bahru were selected to be respondents in this study. This study uses a questionnaire method to obtain information from the respondents. The questionnaire that was used contains four parts to answer all the objectives of this study. The data from the study was analysed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 28.0. The results of the study show that the knowledge and interest in the field of ERT among the male students of Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru are at a high level. The motivation factor for male students' involvement in the field of ERT also shows that peer influence recorded the highest mean and parental influence showed the lowest mean number. The researcher hopes that the results of the study can be used to further enhance the involvement of male students in the field of ERT. At the end of this study, the researcher put forward some suggestions for other parties to conduct further research in the future.

Keywords:

Male Students, Home Economics, TVET, Design and Technology

Pengenalan

Ekonomi Rumah Tangga (ERT) merupakan satu bahagian bidang dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). RBT merupakan salah satu mata pelajaran pilihan atau elektif di Sekolah Menengah seperti yang tertakluk dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Bidang ERT ini menjadikan seseorang pelajar itu berpengetahuan dan berketerampilan dalam mengembangkan kemahiran berkaitan penggunaan sumber dalam meningkatkan kualiti kehidupan. Bidang ERT juga merupakan salah satu cabang pengetahuan yang berpotensi untuk dibangunkan dan mendapat tempat di pasaran setanding dengan bidang yang lain yang diterapkan melalui mata pelajaran RBT. Melalui pembelajaran ERT ini, pelajar dapat membangunkan diri menjadi seorang individu yang berdikari, bertanggungjawab dan juga beretika. Kini, ERT masih kekal menjadi salah satu pilihan dalam mata pelajaran RBT yang dulu dikenali sebagai Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB).

Walaupun nama mata pelajaran tersebut telah dijenamakan semula, namun isi kandungan pembelajaran tidak berubah secara keseluruhannya dan ditambah beberapa elemen selari dengan keperluan dunia berkaitan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Subtajuk ERT seperti tanaman, jahitan dan juga masakan amat sinonim dengan aktiviti yang rata-rata diminati oleh pelajar perempuan. Menurut Iwan (2020), pelajar lepasan SPM sangat digalakkan untuk menceburi bidang Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kerana mempunyai pasaran kerja yang luas dan terjamin. Hal ini boleh disokong dengan kajian daripada Ismawi et. al. (2022) yang menyatakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) boleh menyumbang kepada

agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Ini bermakna kandungan KSSM bagi mata Pelajaran RBT khususnya yang digunakan pada peringkat Sekolah Menengah bagi tujuan dan fungsi yang sama secara tidak langsung mempersiapkan pelajar dengan kemahiran dan kebolehpasaran yang sesuai yang menjamin masa depan.

Namun, melalui kajian awalan yang dilakukan menerusi temu bual ringkas bersama pelajar lelaki Sekolah Menengah dan Guru RBT mendapati, terdapat isu yang timbul di mana pelajar masih kurang menguasai kemahiran bidang ERT dan mendapati pembelajaran sub tajuk di bawah ERT kurang menarik. Pengetahuan tentang ERT ini tidak hanya dikhaskan kepada pelajar perempuan sahaja. Malahan, ilmu ERT ini mampu memberi peluang kepada pelajar lelaki untuk berinovasi dan kreatif dalam mengaplikasi kemahiran dalam kehidupan seharian. Oleh itu, guru seharusnya mengambil peluang untuk menyampaikan pembelajaran dan menguasai sesi pengajaran mata pelajaran RBT dengan kreatif khususnya apabila melibatkan bidang ERT dalam RBT agar pelajar lelaki terutamanya dapat membina perspektif mereka bahawa mata pelajaran berkaitan bidang ini sesuatu yang menarik dan praktikal dalam kehidupan seharian.

Sebelum negara dilanda pandemik Covid-19 pada awal tahun 2020, kemunculan pelbagai rancangan dan pertandingan masakan di kaca televisyen yang memaparkan ramai peserta dari kalangan lelaki serta kelahiran cef-cef selebriti terkenal telah menjadi satu fenomena di Malaysia sehingga mengubah tanggapan masyarakat tentang kerjaya sebagai cef dan bidang masakan yang mana lebih sinonim dengan perempuan (Mohd Ishar dan Jabor, 2018). Perkara ini telah memberi impak yang positif sebagai pemangkin dan pencetus kepada minat dalam bidang ERT khususnya berkaitan masakan. Selain itu juga, Shahino Mah (2017) menyatakan perkembangan pesat sektor pertanian di Malaysia berdasarkan permintaan produk pertanian tinggi dari rakyat tempatan dan pasaran global turut menyumbang terhadap keperluan bidang pertanian demi memacu inovasi teknologi baharu. Namun, persepsi kurang tepat berkaitan bidang pertanian menjadi punca kepada golongan belia kurang berminat menceburi bidang ini (Sieng et. al., 2021).

Kesimpulannya, pengetahuan ERT merupakan sukatan pengetahuan yang berpotensi untuk pembangunan kemahiran pelajar lelaki. Walaupun kandungan ERT lebih menjurus kepada kemahiran yang sinonim dengan tugas perempuan seperti masakan, fesyen, dan pertanian, namun sumbangan kemahiran ini mampu memberi impak kepada pelajar lelaki untuk membentuk kompetensi dan kemahiran bagi persediaan alam pekerjaan. Dengan pendedahan awal dalam silibus RBT serta tayangan rancangan-rancangan di kaca televisyen, sedikit sebanyak membantu memberi gambaran positif kepada minat dan kerjaya masa depan pelajar lelaki. Oleh itu, satu kajian ingin dilakukan bagi mengenal pasti persepsi pelajar Sekolah Menengah lelaki tentang bidang ERT yang dipelajari mereka menerusi mata pelajaran RBT.

Terdapat tiga objektif kajian ini dilaksanakan. Antaranya ialah;

- i. Mengetahui pengetahuan pelajar lelaki Sekolah Menengah dalam bidang Ekonomi Rumah Tangga di dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi.
- ii. Mengetahui minat pelajar lelaki Sekolah Menengah Kebangsaan dalam bidang Ekonomi Rumah Tangga di dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi.
- iii. Mengetahui faktor dorongan pelajar lelaki untuk menceburi bidang Ekonomi Rumah Tangga dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi.

Sorotan Kajian

Ekonomi Rumah Tangga (ERT)

ERT merupakan sebahagian bidang dalam mata pelajaran RBT bagi pelajar tingkatan 1, 2 dan 3. Dalam bidang ERT ini juga terdapat sub-bidang yang lebih kecil yang perlu dipelajari. Pengenalan terhadap ERT kepada pelajar adalah penting kerana ia memberi mereka kemahiran penting yang mereka perlukan dalam kehidupan seharian. Ini termasuk kemahiran kewangan, pengurusan rumah, kemahiran memasak, dan pemahaman tentang pemakanan. Mata pelajaran ini menyediakan pelajar untuk hidup berdikari dan membantu mereka menjadi pengguna yang lebih bijak dan berpengetahuan selain melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran. Oleh itu, keperluan mata pelajaran ini tidak boleh diabaikan dalam pendidikan.

Elemen Dalam Ekonomi Rumah Tangga

Antara elemen yang terdapat dalam ERT ialah jahitan, masakan dan juga tanaman. Jahitan merupakan satu subtajuk yang sangat besar dan meluas. Para pelajar akan diperkenalkan dengan alatan dan bahan yang sering digunakan terlebih dahulu sebelum mempelajari bahagian yang lebih mendalam. Masakan pula merupakan tajuk yang sangat meluas dan sangat seronok jika pelajar mempunyai minat dalam bahagian tersebut dan akhir sekali ialah pertanian yang merupakan salah satu aspek yang terkandung dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi. Contohnya mata pelajaran RBT tingkatan 1 iaitu pada bab 5 merupakan bab yang menunjukkan Reka Bentuk Sistem Fertigasi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif dan menggunakan kaedah kuantitatif. Penyelidik mengagihkan set soal selidik menerusi aplikasi *google form* kepada responden sebagai medium untuk mengumpul data. Populasi bagi kajian ini ialah pelajar lelaki sekolah menengah yang mengambil mata pelajaran RBT. Mereka terdiri daripada pelajar lelaki tingkatan 1, 2 dan 3 di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 155 orang pelajar daripada populasi sejumlah 260 orang hasil rujukan Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970). Terdapat beberapa bahagian dalam soal selidik iaitu Bahagian A berkaitan dengan demografi responden, Bahagian B melibatkan perkara yang berkaitan dengan pengetahuan pelajar berkenaan Ekonomi Rumah Tangga, dan Bahagian C pula melibatkan minat pelajar dalam bidang Ekonomi Rumah Tangga. Skala likert di dalam kajian ini mempunyai lima pilihan jawapan yang perlu dipilih oleh responden mengikut kesesuaian iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S), dan Sangat Setuju (SS)

Analisis dan Perbincangan Kajian

Analisis Demografi

Bilangan item bagi keseluruhan set soalan kuantitatif adalah sebanyak 30 item. Bahagian A mengandungi 4 item. Bahagian ini adalah berkaitan dengan maklumat responden. Item meliputi bangsa, bahagian yang diminati dalam mata pelajaran RBT, minat pelajar dalam mata pelajaran RBT dan juga pengalaman pelajar mempelajari mata pelajaran RBT. Bahagian B pula berkaitan dengan menguji pengetahuan pelajar dalam bidang ERT. Bahagian ini mengandungi 4 item yang ingin dikaji. Seterusnya, bahagian C kajian pula berkaitan dengan menilai minat pelajar dalam bidang ERT. Bahagian ini mengandungi 5 soalan yang ingin dikaji. Akhir sekali ialah bahagian D yang berkisar tentang faktor dorongan pelajar lelaki untuk menceburi bidang ERT

sebanyak 15 item iaitu pengaruh diri sendiri, pengaruh ibu bapa dan juga pengaruh rakan sebaya

Perbincangan Objektif 1: Mengenal pasti pengetahuan pelajar lelaki Sekolah Menengah dalam bidang Ekonomi Rumah Tangga di dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi

Berdasarkan dapatan analisis, keseluruhan purata nilai min ialah sebanyak 4.393 yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar Sekolah Menengah lelaki dalam bidang Ekonomi Rumah Tangga adalah berada pada tahap tinggi. Pengetahuan sedia ada merupakan salah satu perkara penting bagi seseorang pelajar supaya dapat meningkatkan tahap minat dan keinginan mereka untuk belajar sesuatu mata pelajaran. Hasil daripada dapatan kajian ini mendapati bahawa pengetahuan para pelajar berkaitan dengan bidang ERT berada pada tahap yang tinggi. Salah satu penyumbang kepada pengetahuan mereka ini ialah pengalaman pembelajaran mereka dalam mata pelajaran RBT yang turut sama mempunyai elemen-elemen ERT seperti masakan, jahitan, dan pertanian. Kesemua item pada bahagian ini berada pada tahap yang tinggi dan ianya menunjukkan bahawa kebanyakan para responden sudah mengetahui tentang konteks pembelajaran ERT.

Analisis menunjukkan bahawa item 1 iaitu “Saya mengetahui alatan asas yang digunakan untuk proses menjahit” menunjukkan min yang tertinggi iaitu 4.74. Bukan itu sahaja, memetik daripada Sinar Harian (Rasyidah,2022) kursus RBT memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kemahiran mendraf pakaian, mengubahsuai polaserta menjahit pakaian. Guru boleh mengambil inisiatif ini untuk mengadakan bengkel-bengkel asas menjahit seperti menyediakan pola. Ini sedikit sebanyak dapat menarik minat dan juga memberi pendedahan awal kepada para pelajar lelaki untuk menceburi bidang berkaitan ERT ini. Seterusnya, pernyataan “Saya mengetahui cara untuk mengendalikan mesin jahit dengan betul” menunjukkan min yang paling rendah di antara kesemua pernyataan pada bahagian ini iaitu hanya 46 orang responden sahaja yang memilih sangat setuju. Salah satu puncanya ialah sekolah masih kekurangan kemudahan terutamanya bagi sekolah-sekolah yang berada di pedalaman.

Menurut Apidah (2023), kekurangan kemudahan menyebabkan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi kurang lancar walaupun guru mahir dalam mata pelajaran yang berkaitan. Contohnya, jika kemudahan asas seperti makmal jahitan dan masakan yang tidak lengkap, proses pembelajaran secara amali akan menjadi terbantut. Keadaan ini menyukarkan pelajar untuk meneroka proses penghasilan produk dengan kreatif dan berinovasi (Jiang, 2014). Kemudahan seperti alatan memasak yang asas dilihat penting sekurang-kurangnya dapat memberi gambaran tentang situasi sebenar memasak kepada pelajar. Menurut Sulaiman & Tengku Musa (2011), pembelajaran menerusi amali yang melibatkan kemahiran adalah praktikal dan lebih mudah difahami.

Perbincangan Objektif 2: Mengenal pasti minat pelajar lelaki Sekolah Menengah Kebangsaan dalam bidang Ekonomi Rumah Tangga di dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi

Secara keseluruhan, purata nilai min bagi item pada bahagian ini ialah sebanyak 3.966. Ini menunjukkan bahawa minat pelajar lelaki Sekolah Menengah Kebangsaan dalam bidang ERT ialah berada pada tahap yang tinggi bagi persoalan kajian yang kedua ini. Analisis keseluruhan menunjukkan bahawa minat para pelajar terhadap bidang ERT berada pada tahap yang tinggi. Menurut Muhamad Lukman (2023), minat akan memberi impak kepada motivasi dalaman individu itu untuk menguasai pembelajaran di samping sokongan persekitaran yang kondusif. Pada bahagian ini juga menunjukkan bahawa min yang paling tinggi ialah 4.35 iaitu item “Saya

akan membuat nota setiap kali selepas tamat (bab jahitan, masakan dan pertanian)". Menurut Jia Chzin & Surat (2021) pula, kejayaan seseorang pelajar di dalam peperiksaan banyak bergantung kepada kemampuannya menyediakan nota yang baik dengan ringkas dan mudah difahami. Oleh itu, membuat nota selepas tamat pembelajaran sesebuah tajuk sangat memberi impak besar kepada kefahaman pelajar kerana terdapat unsur pengulangan. Bukan itu sahaja, ianya akan memudahkan pelajar untuk mengulangkaji pelajaran ketika menjelang peperiksaan kelak.

Item yang menunjukkan jumlah min yang paling rendah pula ialah item ke-3 dengan nilai 3.76 iaitu "Saya mencari nota tambahan berkaitan jahitan dan masakan yang menarik dari pelbagai sumber secara atas talian". Menurut Maslawati (2015), pembacaan pada abad ke-21 banyak membabitkan penggunaan gajet dan internet bagi membantu pelajar dalam meningkatkan tahap pemahaman mereka. Oleh itu, pelajar seharusnya memanfaatkan kemudahan internet untuk mencari sumber yang menarik untuk memperolehi nota tambahan bagi meningkatkan lagi kefahaman dalam sesuatu tajuk. Kesimpulannya, semua item-item pada bahagian ini menunjukkan jumlah min yang tinggi. Para pelajar dilihat ada melakukan beberapa inisiatif seperti membuat nota selepas belajar dan juga mencari nota tambahan yang lain dari internet. Terdapat pelbagai manfaat apabila mengulangkaji pelajaran terlebih dahulu sebelum sesi pembelajaran berlangsung.

Perbincangan Objektif 3: Mengenal pasti faktor dorongan pelajar lelaki untuk menceburi bidang Ekonomi Rumah Tangga dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi

Berdasarkan dapatan analisis, keseluruhan purata nilai min ialah sebanyak 3.96 dan ianya menunjukkan bahawa faktor dorongan pelajar lelaki untuk menceburi bidang ERT dalam mata pelajaran RBT bagi kategori pengaruh diri sendiri adalah berada pada tahap yang tinggi. Kesemua nilai min bagi bahagian ini juga berada pada tahap yang tinggi, namun min bagi item yang ke-2 berada pada tahap hampir sederhana dan ianya menunjukkan bahawa terdapat segelintir pelajar yang tidak mengulangkaji pelajaran yang akan dipelajari pada keesokannya. Dorongan menceburi sesuatu perkara dapat menaikkan minat dan semangat seseorang individu itu. Pada bahagian ini terdapat tiga kategori dorongan iaitu diri sendiri, ibu bapa dan juga pengaruh rakan sebaya. Menurut Sharif & Karuppanan (2017), anak-anak sudah tentu tidak akan bersemangat untuk belajar sekiranya ibu bapa mereka tidak memberikan galakan yang padu dan dorongan berterusan. Ibu bapa diibaratkan sebagai tulang belakang untuk anak-anak mereka. Kemampuan ibu bapa mengurus komunikasi dengan baik terhadap anak di rumah boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Ini kerana ibu bapa mempunyai masa yang banyak bersama-sama dengan anak di rumah (Gosman et. al., 2020). Oleh itu, sebagai ibu bapa sebaiknya meluangkan sedikit waktu untuk melibatkan diri dan berbincang dengan anak-anak berkaitan pelajaran dan minat.

Selain itu juga dorongan rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting dalam mengenal pasti populariti program ERT dalam kalangan pelajar lelaki. Menurut Abu & Leong (2014), rakan sebaya turut berperanan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Para pelajar sangat cenderung terpengaruh dengan rakan sebaya mereka dalam melakukan aktiviti seharian sama ada perkara yang baik atau sebaliknya. Kajian ini juga ada mengenal pasti sama ada penglibatan pelajar lelaki Sekolah Menengah dalam bidang ERT dipengaruhi oleh rakan sebaya atau dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti daripada diri sendiri atau wujud minat dalam diri. Analisis menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya menunjukkan jumlah min yang

paling tinggi iaitu sebanyak 4.13 bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu faktor dorongan penglibatan pelajar lelaki Sekolah Menengah dalam bidang ERT. Perkara ini juga disokong dengan item yang menunjukkan nilai min yang tertinggi dalam soal selidik pengaruh rakan sebaya iaitu sebanyak 4.30 pada pernyataan saya dan rakan akan bertanya kepada guru perkara yang masih kurang faham berkaitan dengan topik jahitan, masakan dan pertanian.

Menurut Nur Hafeeza (2021), memetik sumber daripada akhbar Berita Harian iaitu sikap malu bertanya ini satu daripadanya disebabkan rasa kurang keyakinan diri yang tinggi. Jadi, salah satu langkah boleh dilakukan bagi mengelakkan pelajar malu bertanya soalan kepada guru ialah pelajar dan rakannya bertanya kepada guru. Sekurang-kurangnya pelajar lebih yakin untuk bertanya kepada guru jika bersama rakannya. Menurutny lagi, perasaan malu dan takut melakukan kesalahan akan menyebabkan pelajar tidak berani untuk bertanya walaupun mereka masih keliru dengan penerangan yang diberikan oleh guru. Malah, pelajar lebih selesa bertanya pada rakan di sebelah sekiranya tidak faham apa yang dipelajari. Bersesuaian dengan item pertama dalam soal selidik iaitu saya membuat sesi pembelajaran secara berkumpulan bersama rakan saya untuk mata pelajaran ERT yang mempunyai jumlahmin yang tinggi iaitu 4.08.

Seterusnya min yang paling rendah bagi menjawab persoalan ketiga ialah pengaruh ibu bapa dalam penglibatan pelajar lelaki Sekolah Menengah dalam bidang ERT. Jumlah minnya ialah 3.47. Item dalam soal selidik bagi pengaruh ibu bapa yang menunjukkan jumlah yang paling rendah ialah berjumlah 2.88 sahaja iaitu berada padaperingkat sederhana pada pernyataan ibu bapa saya menyediakan kelas tambahan bagimata pelajaran ERT setelah selesai waktu persekolahan. Menurut Azni Yati (2021), bagi ibu bapa yang berkemampuan, menyediakan kelas tambahan atau tutor peribadi adalah penyelesaian terbaik. Namun bagi ibu bapa yang kurang berkemampuan pula mereka boleh menggalakkan anak-anak untuk menyertai kelas tambahan yang diadakan secara percuma. Selain itu, terdapat juga banyak kelas tuisyen diberikan secara percuma di dalam talian. Ramai guru dan orang persendirian yang berkongsi nota pembelajaran pelbagai subjek misalnya Matematik, Sejarah, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris secara percuma dalam media sosial. Para pelajar perlu bijak untuk memanfaatkan faedah seperti yang diberikan seterusnya menjadi modal ekonomi utama kepada generasi muda akibat sistem pendidikan negara (Fadel et. al. 2022).

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan daripada hasil kajian ialah rakan sebaya membawa pengaruh yang paling besar dalam penglibatan pelajar lelaki Sekolah Menengah di Johor Bahru dalam bidang ERT ini. Namun, ibu bapa juga berperanan penting dalam membantu anak-anak membuat pemilihan berdasarkan minat mereka sendiri supaya anak-anak sentiasa bersemangat dan bermotivasi untuk berusaha dan belajar. Menurut Arshad & Alias (2011), pelajar yang boleh menggunakan kemahiran berfikir kreatif dengan baik adalah pelajar yang datangdaripada keluarga yang menekankan nilai berdikari dalam kehidupan

Kesimpulan

Hasil kajian ini telah dianalisis berdasarkan dapatan kajian, maka setiap persoalan kajian telah dijawab berdasarkan data yang telah dianalisis daripada responden. Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa pengetahuan para pelajar lelaki berada pada tahap yang tinggi berkaitan dengan bidang Ekonomi RumahTangga yang dahulunya menjadi salah satu sub-tajuk dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dan kini telah bertukar kepada Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). Pengetahuan pelajar pada tahap yang tinggi ini mungkin salah satu sebabnya ialah pengalaman mereka dalam mempelajari mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Selain itu, minat para pelajar berada pada tahap yang tinggi dan akhir sekali ialah faktor dorongan utama para pelajar lelaki menceburi bidang ERT ialah pengaruh daripada rakan sebaya. Galakan kepada para pelajar dalam bidang ini juga perlu dipertingkatkan bagi melahirkan usahawan muda berjaya (Janius et. al., 2023).

Penghargaan

Sejuta penghargaan saya hadiahkan kepada pensyarah-pensyarah, rakan-rakan seperjuangan dan juga rakan sekelas dari jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) atas segala bantuan serta tunjuk ajar yang telah diberikan kepada saya selama ini.

Rujukan

- Abu, N.E. dan Leong, K.E. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru, dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik (JuKu)*, 2(1), 1 – 10.
- Apidah, A. (2023). Hubungan Persekitaran Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Enam. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(2023), pp. 23 – 35. doi: <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4278>
- Arshad, M.Y. dan Alias, S.H. (2011). Tahap Kreativiti di Kalangan Pelajar Program Sains Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Science & Mathematics Education*, pp. 1 – 7. (Unpublished).
- Azni Yati, K. (2021, September 14). Peranan Ibu Bapa Bantu Mantapkan Pembelajaran Anak. Berita Harian: Pendidikan. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/09/863692/peranan-ibu-bapa-bantu-mantapkan-pembelajaran-anak>
- Fadel, N. S. M., Ishar, M. I. M., Jabor, M. K., Ahyan, N. A. M., & Janius, N. (2022). Application of Soft Skills Among Prospective TVET Teachers to Face the Industrial Revolution 4.0. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001562. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1562>
- Gosman, M., Nazarudin, M.N., Noordin, Z., Saharin, A., & Saili, S.R. (2020) Hubungan Penglibatan Ibu Bapa dan Peranan Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(Special Issue 1).
- Ismawi, S. N. M., Ishar, M. I. M., & Janius, N. (2022). Workability Elements of Post-Diploma Students in Construction Technology From Vocational Colleges in Malaysia. *Jurnal Teknikal & Kajian Sosial (JUTEKS)*, 21(1), pp. 17 – 20.
- Iwan, S. S. (2020, Mac 23). TVET Ada Potensi Besar Untuk Kerjaya Masa Depan, Ini Lepas SPM Perlu Tahu Untuk Jadi Graduan “Terhangat di Pasaran”. *Mstar: Semasa*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2020/03/23/tvet-graduan-terhangat>
- Janius, N., Jahadi, N. E. H., Abdullah, S. N. L., & Ling, M. S. (2023). Kesedaran Pendidikan Keusahawanan Terhadap Kerjaya Kanak-Kanak di Masa Hadapan: Satu Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002286. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2286>
- Jia Chzin, D. and Surat, S. (2021). Sorotan Literatur Bersistemik: Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), pp. 137 - 157. doi: 10.47405/mjssh.v6i12.1210.
- Jiang, S. (2014). Analysis of General Technology Course Teaching and Subject Construction in Senior High Schools. *Education and Teaching Research*, 29(3), pp. 112–114.

- Maslawati, M. (2015, Ogos 8). Gajet, Internet Sumber Rujukan Pelajar Abad 21. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/08/73210/gajet-internet-sumber-rujukan-pelajar-abad-21>
- Mohd Ishar, M. I. dan Jabor, M. K. (2018). Elemen Keusahawanan dalam Bidang Kulinari. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(1), pp. 100 - 133. doi: 10.47405/mjssh.v3i1.51.
- Muhamad Lukman, K. (2023, Jun 15). Pilih Belajar Bidang Sains Marin Kerana Suka Laut. *Berita Harian: Pendidikan*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/06/1114767/pilih-belajar-bidang-sains-marin-kerana-suka-laut>
- Nur Hafeeza, A.P. (2021, Disember 14). Murid Malu Bertanya, Jawab Soalan. *Berita Harian: Pendidikan*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/12/898764/murid-malu-bertanya-jawab-soalan>
- Rasyidah, Z. (2022, Februari 4). Asah Kemahiran Menjahit, Pelajar Boleh Praktik Sehingga Berjaya. *Sinar Harian: Sinar Bestari*. <https://sinarbestari.sinarharian.com.my/gen-z/kemahiran/asah-kemahiran-menjahit-pelajar-boleh-praktik-sehingga-berjaya>
- Sieng, L.W., Surianshah, W.N.S., Mohd Salleh, N.H., Mohd Idris, S.H., dan Janor, H. (2021) Faktor Mempengaruhi Penglibatan Belia Dalam Sektor Perladangan Kelapa Sawit. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 28(1), pp. 115-140. doi: <https://doi.org/10.32890/ijms.28.1.2021.10559>
- Shahino Mah, A. (2017, Januari 7). Inovasi Pertanian Tingkat Ekonomi Rakyat, Negara. *Berita Harian: Rencana*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/01/231311/inovasi-pertanian-tingkat-ekonomi-rakyat-negara>
- Sharif, Z. dan Karuppannan, G. (2017). Sokongan Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Anak Pendidikan Khas (PK). *Proceedings of the International Conference on Special Education, SEAMEO Regional Centre for Special Educational Needs*, 2(2017), pp. 354 – 364.
- Sulaiman, S. dan Tengku Musa, T.M. (2011). Tahap Kefahaman Pelajar Tahun Akhir (Perdana) Program Kemahiran Hidup dalam Pembelajaran Teori dan Amali. *Journal of Science & Mathematics Education*, pp. 1 – 9. (Unpublished). http://eprints.utm.my/11898/1/Tahap_Kefahaman_Pelajar_Tahun_Akhir.pdf